



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**22 Januari 2016 / 12 Rabiul Akhir 1437H**

**Nilai Kemaafan dan Syariat Islam**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنْ أُمَّةٍ خَيْرِ النَّاسِ خَلْقًا وَخُلُقًا، وَاصْطَفَانَا  
عَلَى سَائِرِ الْأَنْبِيَاءِ وَالرُّسُلِ بِأَحْسَنِ الشَّرِيعَةِ مِنْهَجًا وَطَرِيقًا،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
حَبِيبِنَا الْكَرِيمِ، وَرَسُولِنَا الْعَظِيمِ، وَشَفِّعِنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ، سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ  
وَجَلَّ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

**Sidang jemaah yang dihormati sekalian,**

Bertaqwalah kita kepada Allah s.w.t. Teruskanlah mengabdikan diri kepadaNya dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala tegahanNya. Hiasilah kehidupan kita dengan nilai-nilai murni yang diajarkan Islam. Semoga Allah s.w.t. menerima dan sentiasa mengampunkan kita semua.

**Saudara sekalian,**

Kita masih lagi membincangkan nilai kemaafan. Seperti yang telah dibincangkan pada khutbah-khutbah yang lalu, sikap maaf berkait rapat dengan nilai keihsanan. Keihsanan pula mendatangkan kecemerlangan. Perjalanan kita sebagai seorang Muslim adalah untuk cuba sedaya upaya menjadi insan yang cemerlang. Insan yang menghidupkan nilai-nilai mulia pada dirinya.

Adakah kita telah berjaya menghayati nilai kemaafan di dalam kehidupan? Adakah kita telah memaafkan pasangan, anak-anak, ibu bapa, sanak-saudara dan teman-teman kita? Atau adakah kita terus dibelenggu perasaan marah dan dendam?

### **Saudaraku sekalian,**

Jika kita benar-benar rindukan kemaafan Allah s.w.t., hayatilah bagaimana Allah s.w.t. mengajak umat Nabi Muhammad s.a.w. untuk memiliki nilai yang cukup mulia ini, walaupun hati mungkin penuh dengan kemarahan. Firman Allah s.w.t.:

وَلَا يَأْتَلِ أُولُو الْفَضْلِ مِنْكُمْ وَالسَّعَةِ أَنْ يُؤْتُوا أُولِي الْقُرْبَىٰ  
وَالْمَسْكِينِ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلْيَعْفُوا وَلْيَصْفَحُوا أَلَا  
تُحِبُّونَ أَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٢٢﴾

Yang bermaksud “Dan janganlah mereka yang mewah di kalangan kamu bersumpah untuk tidak mahu lagi menolong kaum kerabat dan orang miskin serta mereka yang berhijrah

*pada jalan Allah; hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.” (Surah An-Nur, ayat 22)*

Ayat ini diturunkan dalam konteks keengganan Sayyidina Abu Bakar r.a. untuk membantu salah seorang saudaranya yang bernama Mistah, yang biasa ditanggungnya, setelah mana didapati beliau terlibat di dalam peristiwa penuduhan Aisyah r.a.

Begitulah Islam sangat menitikberatkan nilai kemaafan pada diri setiap Muslim. Walaupun kemaafan tampak mudah dan begitu asas, namun ia mencerminkan kesucian hati dan kemurnian akhlak yang bukan hanya mampu merubah nasib individu, tetapi arah tuju seluruh masyarakat.

Sebagai contoh, kajian-kajian perubatan dan psikologi telah membuktikan bahawa melalui sikap suka memberi kemaafan, pelbagai kesan positif, termasuk di dalam bab kesihatan, akan dapat dirasakan oleh seseorang. Dengan memberi kemaafan, kita tidak memendam perasaan marah. Ini pula membolehkan kita menikmati perasaan aman lagi damai bersama diri sendiri, dan seterusnya bersama orang lain. Kita merasa lebih tenang selalu. Ia juga mengakibatkan penurunan tahap tekanan (atau “stress”) dan juga tekanan darah. Sistem imun badan pula boleh bertambah baik.

Umumnya, nilai kemaafan membawa kecemerlangan kepada kehidupan dalam erti kata yang holistik. Benar apa yang telah

disabdakan oleh junjungan Nabi Muhammad s.a.w. yang bermaksud “Tidaklah seseorang itu menambah kemaafannya bagi orang lain melainkan dia juga bertambah mulia.”

**Saudaraku,**

Kemaafan juga adalah pendekatan yang dianjurkan Islam di dalam menangani isu-isu masyarakat. Firman Allah s.w.t. di dalam Al-Quran Surah Al-Syura ayat 40:

وَجَزَاءُ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثْلُهَا فَمَنْ عَفَا وَأَصْلَحَ فَأَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ ﴿٤٠﴾

Yang bermaksud: “*Dan balasan kejahatan adalah kejahatan yang setimpal dengannya, namun sesiapa yang memaafkan dan berbuat baik (kepada si pesalah), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada mereka yang berlaku zalim.*”

Maka Islam sangat jauh sekali dari sebarang bentuk kekerasan. Ingatlah saudara, kekerasan luaran, yang sering lahir dalam bentuk kekasaran budi pekerti dan tindakan, apatah lagi keganasan dan penumpahan darah, adalah pancaran dari kekerasan dalaman.

Ia menunjukkan betapa kerasnya hati yang lebih mengutamakan dendam dan pembalasan. Ia menunjukkan hati yang kosong dari sifat kelembutan dan kemaafan. Ia begitu jauh terhanyut dari pantai akhlak dan nilai-nilai mulia yang diajarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Hati yang keras, yang melahirkan tindakan ganas, tidak ada tempatnya di dalam kamus ajaran Islam. Ia perlu disucikan dan diperbetulkan.

Kesan kekerasan hati sedemikian sangatlah meluas sekali. Hari ini, mudah sangat bagi insan lain untuk bertanggapan silap terhadap agama kita. Pasti kita terkesan dan tercabar, dan mudah bagi perasaan marah untuk menyerap dalam diri.

Cabaran kita adalah untuk mula mengorak langkah respons dengan mengutamakan nilai kemaafan. Jika emosi terkawal, kita mampu untuk berfikir lurus, memikirkan langkah selanjutnya, serta membuat penimbangan semula - bagaimana seharusnya kita berinteraksi dengan mereka yang bertanggapan silap terhadap diri kita? Dan bagaimana kita mampu untuk membetulkan persepsi dan salah tanggapan tersebut?

Inilah di antara cabaran yang kita sedang lalui sebagai masyarakat Islam. Marilah kita kembali kepada nilai-nilai yang diajarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Hayatilah nilai-nilai murni ini dengan sebaik-baiknya. Semoga Allah s.w.t. sentiasa memberi bimbingan dan kekuatan agar kita dapat kekal di atas landasan yang dipilihNya Ameen.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.